# NOTA PENDIDIKAN ISLAM
# KERTAS 2 SPM

Susunan Oleh : Ust. Norzam bin Mohd Senin [GC PI]
SMK Tengku Ampuan Rahimah, Klang

ISI KANDUNGAN


| BIL | TAJUK | M/S |
|---|---|---|
| | TILAWAH AL-QURAN | |
| 1 | Manusia Perlu Bersyukur | 2 |
| 2 | Rasul Penyampai Wahyu | 4 |
| 3 | Larangan Mempersendakan Agama | 6 |
| 4 | Hidayah Milik Allah SWT | 8 |
| 5 | Akidah Teras Kehidupan | 10 |
| 6 | Ciri-ciri Mukmin Berjaya | 12 |
| 7 | Nasihat Luqman al-Hakim | 15 |
| 8 | Layanan Baik Kepada Orang Bukan Islam | 19 |
| 9 | Nabi Muhammada SAW Utusan Allah | 20 |
| 10 | Batas-batas Pergaulan | 22 |
| 11 | Hidayah Allah SWT | 24 |
| 12 | Peribadi Mukmin | 26 |
| 13 | Kemuliaan al-Quran | 28 |
| | | |
| | HADIS | |
| 1 | Makanan Yang Baik | 30 |
| 2 | Perpaduan Teras Kemajuan | 32 |
| 3 | Kehidupan Di dunia Ibarat Seorang Perantau | 34 |
| 4 | Orang Beriman Kekasih Allah | 36 |
| | | |
| | AYAT HAFAZAN | |
| 1 | Surah al-An’am : 162-163 | 38 |
| 2 | Surah al-Mukminun : 1-11 | 38 |
| 3 | Surah Luqman : 12-19 | 39 |
| 4 | Surah at-Taubah : 128-129 | 40 |
| 5 | Surah an-Nur : 35 | 40 |
| 6 | Surah al-Hasyr : 21-24 | 41 |
| | | |
| | | |

# BAB 1 : MANUSIA PERLU BERSYUKUR [Surah al-An'am : Ayat 6]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| أَلَمْ يَرَوْا۟ كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّن قَرْنٍ مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّن لَّكُمْ | Adakah mereka tidak memerhatikan berapa banyak generasi yang telah Kami(Allah) binasakan sebelum mereka, pada hal mereka telah Kami teguhkan kedudukan mereka di atas muka bumi ini |
| وَأَرْسَلْنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيْهِم مِّدْرَارًا وَجَعَلْنَا ٱلْأَنْهَٰرَ تَجْرِى مِن تَحْتِهِمْ | Kami turunkan hujan yang lebat kepada mereka & Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka |
| فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ | Kami binasakan mereka kerana dosa mereka sendiri & Kami jadikan sesudah mereka generasi yang lain |

Antara nikmat-nikmat Allah (08)

- Islam & iman
- Kesihatan tubuh badan
- Akal fikiran yang waras
- Kesempurnaan fizikal
- Keamanan & kemakmuran negara
- Tanah yang subur

Cara Bersyukur

| | |
|---|---|
| Hati | 1. Sentiasa menginsafi kebesaran Allah.<br>2. Sentiasa mengingati Allah di mana sahaja.<br>3. Merendah diri terhadap kekuasaan Allah. |
| Lidah | 1. Mengucapkan Alhamdulillah.<br>2. Berzikir, membaca al-Quran, memuji kebesaran Allah. |
| Anggota badan | 1. Menderma & bersedekah.<br>2. Menggunakan nikmat Allah pada perkara kebaikan. |

Langkah menjamin nikmat yang berterusan (05)

- Sentiasa mensyukuri nikmat Allah.
- Melaksanakan perintah Allah & menjauhi larangan-Nya.
- Menggunakan nikmat Allah pada jalan kebaikan.
- Tidak menggunakan nikmat pada perkara dimurkai Allah.
- Nikmat tersebut bukan bertujuan sombong & berbangga.

Cara Umat dulu dibinasakan

1. Allah menghapuskan secara keseluruhan sama ada beriman @ tidak.
2. Menjadikannya umat yg lemah dgn menghapuskan kekuatan & kemerdekaan mereka.

Umat yang dibinasakan (05 / 10)

| Kaum | Nikmat Allah | Kemungkaran yang dilakukan | Azab Allah |
|---|---|---|---|
| ‘Ad<br>(Umat Nabi Hud) | Kehidupan mewah drpd tanah yg subur | Menolak ajaran Nabi Hud.<br>Tidak beriman & kufur. | Angin putting beliung yg memusnahkan |
| Thamud<br>(Umat Nabi Soleh) | Dianugerahkan kekayaan & kemewahan hidup | Bersifat angkuh & tidak beriman.<br>Menuduh Nabi Soleh pendusta | Halilintar yg kuat & gempa bumi yg dahsyat |
| Kaum Lut | Kehidupan yang mewah | Menolak ajaran Nabi Lut.<br>Amal homoseks. | Hujan batu & bumi diterbalikkan |
| Kaum Nuh | Kekayaan & Kepandaian | Menolak ajaran Nabi Nuh | Banjir besar |

Hikmat Allah Membinasakan Umat Terdahulu

- Dapat menyedarkan manusia tentang kekuasaan Allah terhadap makhluk-Nya.
- Agar manusia melaksanakan perintah Allah & tidak menentang ajaran-Nya.
- Sebagai pengajaran kepada manusia agar tidak ingkar perintah Allah.
- Peringatan kepada manusia supaya tidak ego & sombong dgn kekayaan & kemewahan.
- Supaya manusia bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah.

Tanggungjawab Manusia

| Terhadap Allah | Terhadap Alam (08) |
|---|---|
| 1. Beribadat kpd Allah<br>2. Melaksanakan perintah Allah<br>3. Memelihara & menegakkan agama Allah<br>4. Laksana amar makruf & nahi mungkar<br>5. Sentiasa mensyukuri nikmat Allah | 1. Menguruskan alam dgn baik<br>2. Membangunkan alam ikut syariat Islam<br>3. Memakmurkan alam<br>4. Membuat pembangunan untuk kesejahteraan semua<br>5. Pelihara kurniaan Allah dgn baik |

Pengajaran Ayat (05 / 08 / 10)

1. Kita hendaklah bersyukur kpd Allah / supaya diberkati oleh-Nya.
2. Kita mestilah melaksanakan segala perintah Allah / supaya hidup tenang.
3. Kita perlulah mempelajari sejarah kaum terdahulu / agar dapat mengambil iktibar drpdnya.
4. Kita hendaklah mencontohi golongan yg beriman / bagi mengelakkan azab Allah.
5. Kita hendaklah meyakini bahawa kebinasaan yang berlaku / adalah akibat perbuatan mereka sendiri.

# BAB 2 : RASUL PENYAMPAI WAHYU [Surah al-An'am : Ayat 50]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| قُل لَّآ أَقُولُ لَكُمۡ عِندِي خَزَآئِنُ ٱللَّهِ | Katakanlah : Aku tidak menyatakan kepada kamu bahawa perbendaharaan Allah ada padaku (06) |
| وَلَآ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ وَلَآ أَقُولُ لَكُمۡ إِنِّي مَلَكٌۖ | Dan aku tidak mengetahui perkara ghaib & tidak mengatakan bahawa aku malaikat |
| إِنۡ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّ | Aku tidak mengikut kecuali apa yg diwahyukan kepadaku |
| قُلۡ هَلۡ يَسۡتَوِي ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِيرُۚ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ | Katakanlah, apakah sama orang buta dengan orang yang melihat? Apakah kamu tidak memikirkannya? (06) |

خَزَآئِنُ ٱللَّهِ - Khazanah Allah, perbendaharaan Tuhan & ilmu-ilmu-Nya

ٱلۡأَعۡمَىٰ وَٱلۡبَصِير - Tidak sama orang buta dgn celik dari segi keupayaan dalam membuat perbandingan antara perkara baik dengan buruk

Contoh khazanah Allah (08)

- Bulan & bintang / Bahan galian / Bukit bukau / Alam sekitar / Hidupan liar

Cara Menjaga khazanah Allah (08)

- Memelihara alam sekitar dgn baik
- Memulihara alam sekitar agar kembali seperti asalnya
- Menggunakan sumber alam untuk kebaikan manusia

Peranan Rasul (08 / 13)

- Membetulkan akidah manusia drpd kesesatan kpd beriman kpd Allah
- Membimbing manusia ke jalan kebenaran agar bahagia dunia akhirat
- Memperbaiki akhlak manusia drpd buruk kpd akhlak terpuji
- Mengajar manusia cara beribadat yg betul disamping ibadat lain yg dituntut
- Mengajar manusia cara bermasyarakat berlandaskan syariat Islam
- Menyuruh manusia melaksanakan amar makruf nahi mungkar untuk melahirkan umat harmoni

Perkara-perkara Ghaib

Maksud – perkara yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera & tidak terjangkau melalui akal manusia / hanya dapat diketahui melalui wahyu @ al-Quran @ hadis [13]

| Perkara Ghaib | Contoh |
|---|---|
| Perkara yg hanya Allah tahu | Tarikh kiamat / penentuan rezeki [13] |
| Perkara yang telah berlaku | Kisah para Nabi |
| Perkara yg boleh diketahui melalui kajian | Jenis logam dalam bumi (petrolium) |
| Perkara yg wujud tapi tidak dapat dilihat | Kewujudan malaikat & jin / syurga & neraka |
| Perkara yg akan berlaku | Kemunculan Dajal |

Tujuan Digalakkan Menuntut Ilmu

- ✓ Meningkatkan iman & taqwa kpd Allah.
- ✓ Supaya umat & agama Islam dipandang mulia oleh umat lain.
- ✓ Memajukan umat Islam agar setanding dgn kemajuan bangsa lain.
- ✓ Mendapat keredaan Allah untuk mencapai kebahagiaan dunia akhirat.
- ✓ Meningkatkan syiar Islam ke seluruh empayar dunia.

Tugas Manusia

- Mengikut & mematuhi segala ajaran Rasulullah untuk memperolehi kebahagiaan.
- Berusaha & berikhtiar bersungguh-sungguh untuk mengkaji alam.
- Mengambil faedah drpd alam & sgl isi kandungannya bagi mendapatkan manfaatnya.

Wahyu : Pengetahuan yg diperolehi seseorang dgn keyakinan bhw ianya dr Allah melalui perantaraan atau sebaliknya.

Peranan Wahyu

- Memimpin manusia pd jalan yg benar melalui risalah Islam drpd Rasulullah.
- Membimbing manusia bagi memperolehi kebahagiaan hidup dunia akhirat.
- Menyuruh manusia melaksanakan syariat Allah dlm semua aspek hidup.
- Memberitahu khabar gembira tentang balasan syurga kpd org soleh & khabar dukacita kpd yg derhaka.
- Manusia dapat membezakan antara yg benar dgn yg batil.
- Mendidik manusia kpd akhlak mulia kerana manusia cenderung ikut nafsu.

Sebab Wajib Mengikut Wahyu

- Ianya perkara benar yg datang drpd Allah.
- Manusia tidak tahu hakikat sebenar sst perkara kecuali perkhabaran wahyu.
- Akal manusia tidak dapat mengetahui perkara ghaib tanpa wahyu.
- Wahyu membimbing manusia kpd jalan kebenaran & selamat.

| Kesan Pimpinan Wahyu | Hikmat Perutusan Wahyu |
|---|---|
| ✚ Menyelamatkan manusia drpd sesat & azab neraka.<br>✚ Manusia laksana perintah Allah & jauhi larangan-Nya.<br>✚ Manusia memperolehi kesejahteraan dunia akhirat.<br>✚ Manusia mengamalkan akhlak mulia dalam semua aspek hidup.<br>✚ Manusia dapat bezakan perkara halal dgn haram dalam bertindak. | ❖ Manusia dapat beriman kpd Allah & beribadat kpd-Nya.<br>❖ Manusia menemui kebenaran untuk selamat dunia akhirat.<br>❖ Manusia berakhlak mulia.<br>❖ Manusia hidup berperaturan dalam hidup.<br>❖ Manusia mencapai ketamadunan dlm pelbagai bidang hidup. |

Pengajaran Ayat (06)

1. Kita wajib mentaati rasul / kerana mereka utusan Allah
2. Kita hendaklah berfikir menurut wahyu / agar tidak tersesat
3. Kita hendaklah menuntut ilmu / supaya dapat membezakan antara benar & salah
4. Kita mestilah memakmurkan alam / dengan menggunakannya pada perkara kebaikan

# BAB 3 : LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA [Surah al-An'am : 70]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَعِبٗا وَلَهۡوٗا وَغَرَّتۡهُمُ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَاۚ | Dan tinggalkanlah orang yang mengambil agamanya menjadi permainan & senda gurau, mereka tertipu dengan kehidupan dunia |
| وَذَكِّرۡ بِهِۦٓ أَن تُبۡسَلَ نَفۡسُۢ بِمَا كَسَبَتۡ | Peringatkanlah bahawa jiwa menjadi rosak disebabkan apa yang mereka telah buat |
| لَيۡسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِيّٞ وَلَا شَفِيعٞ | Tidak ada yang dapat menjaga & tiada yang dapat menolong selain Allah |
| وَإِن تَعۡدِلۡ كُلَّ عَدۡلٖ لَّا يُؤۡخَذۡ مِنۡهَآۗ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبۡسِلُواْ بِمَا كَسَبُواْۖ | Dan jika ia minta ditebus dengan tebusan yang secukupnya, nescaya tidak akan diterima, itulah orang yang rosak disebabkan usaha mereka |
| لَهُمۡ شَرَابٞ مِّنۡ حَمِيمٖ وَعَذَابٌ أَلِيمُۢ بِمَا كَانُواْ يَكۡفُرُونَ | Bagi mereka minuman drpd air yg sangat panas & seksa yg pedih kerana mereka tidak beriman (07 / 11) |

Golongan Mempersendakan Agama (07)

| Golongan | Penjelasan |
|---|---|
| Musyrikin | Mereka yg menyengutukan Allah dgn sesuatu & kuat menentang Islam |
| Munafik | Mereka yg menzahirkan keislaman & menyembunyikan kekufuran |
| Murtad | Mereka yg keluar drpd Islam |
| 'Asi | Orang Islam yg melakukan maksiat & melanggar perintah Allah |

Contoh Perbuatan Mempersendakan Agama (07 / 11)

- Berasa bangga apabila melanggar perintah Allah
- Memperkecilkan tuntutan Islam spt tidak solat & tidak berpuasa
- Melanggar syariat Islam spt tidak keluarkan zakat
- Menghina & mencaci golongan beriman
- Mengunjungi tempat maksiat & melakukan pelbagai kemungkaran

Cara Menjauhi Perbuatan Mempersendakan Agama (07 / 11)

- ✓ Taati perintah Allah dengan sungguh-sungguh
- ✓ Meninggalkan segala larangan Allah
- ✓ Sentiasa mengingati balasan syurga & azab neraka
- ✓ Tidak terpengaruh dengan pangkat & kekayaan hingga lupa suruhan Allah
- ✓ Menggunakan segala nikmat Allah pada jalan kebaikan
- ✓ Berhati-hati & berwaspada dengan rakan yg suka mempersendakan agama

Akibat Mempersendakan Agama (11)

- Akidah seseorang kepada Allah akan rosak
- Segala kebaikan yang dibuat menjadi sia-sia
- Akan mendapat azab yg pedih di akhirat kelak
- Jauh drpd hidayah & rahmat Allah
- Dibenci & tidak dihormati orang lain
- Jiwa sentiasa gelisah & tidak tenang

Tuntutan Memelihara Agama

| Individu | Masyarakat |
|---|---|
| 1. Mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya<br>2. Meninggalkan semua perbuatan yg boleh mencemarkan kesucian Islam<br>3. Melaksanakan perintah Allah dgn sempurna<br>4. Mempamerkan kemuliaan peribadi Islam yg sejati<br>5. Menentang segala kemungkaran yg berlaku<br>6. Berbuat baik dgn orang bukan Islam | 1. Mengamalkan Islam dalam semua aspek hidup<br>2. Melaksanakan perintah Allah secara berjemaah<br>3. Berwaspada dgn golongan yg cuba mempermainkan agama<br>4. Mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan bermasyarakat<br>5. Berusaha menyelesaikan kemiskinan umat Islam<br>6. Melaksanakan konsep amar makruf & nahi mungkar |

Akibat Tidak Memelihara Agama

- Umat Islam akan menjadi umat yg mundur & tidak bertamadun
- Islam akan diperkecilkan oleh pihak tidak bertanggungjawab
- Umat Islam akan disisih & tidak dihormati
- Kesucian ajaran Islam akan tercemar
- Kemungkaran & maksiat akan berleluasa
- Wujud ajaran-ajaran sesat dalam masyarakat yg memesongkan akidah umat Islam

Harta & Pngkat Sebagai Ujian

- Harta & pangkat adalah kurniaan Allah yg istimewa sebagai ukuran taraf seseorang
- Islam tidak memandang keduanya sebagai matlamat hidup utama & mutlak
- Islam amat menggalakkan umatnya mencari seberapa banyak harta asalkan halal & diusahakan berdasarkan prinsip-prinsip syarak
- Harta & pangkat hendaklah dijadikan alat demi menikmati kebahagiaan hidup di dunia & akhirat

Pengajaran Ayat

1. Kita hendaklah menjauhkan diri daripada mempersendakan agama / agar tidak dimurkai Allah
2. Kita janganlah tertipu dengan kehidupan dunia / kerana ianya hanya sementara
3. Kita dituntut untuk memelihara Islam / supaya dihormati oleh semua orang
4. Kita mesti meyakini bahawa orang yang mempersendakan agama / akan diazab dengan neraka

# BAB 4 : HIDAYAT MILIK ALLAH [Surah al-An'am : 125]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهۡدِيَهُۥ يَشۡرَحۡ صَدۡرَهُۥ لِلۡإِسۡلَٰمِۖ | Sesiapa yg dikehendaki oleh Allah akan diberikan petunjuk kepadanya, nescaya Dia(Allah) melapangkan dadanya untuk memeluk Islam |
| وَمَن يُرِدۡ أَن يُضِلَّهُۥ يَجۡعَلۡ صَدۡرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي ٱلسَّمَآءِۚ | Dan sesiapa yg dikehendaki Allah untuk sesat maka dijadikan dadanya sesak lagi sempit seolah sedang mendaki ke langit |
| كَذَٰلِكَ يَجۡعَلُ ٱللَّهُ ٱلرِّجۡسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ | Begitulah Allah menurunkan seksa kepada orang yg tidak beriman |

Maksud hidayat – Cahaya petunjuk drpd Allah kpd sesiapa yg dikehendaki-Nya / untuk menuju ke jalan kebenaran (11).

Tanda dapat hidayat – Menerima Islam / Melaksanakan segala tuntutan Islam / Berakhlak mulia (06)

Perbuatan Menghalang Dapat Hidayat – Bersikap sombong & menolak kebenaran / Benci Islam & hukumnya / Memerangi golongan bertaqwa / Berterusan melakukan kejahatan / Mengamalkan akhlak yg buruk (06)

| Golongan Dapat Hidayat (06 / 11) | Golongan Tidak Dapat Hidayat [13] |
|---|---|
| Beriman kpd Allah | Berterusan dalam kesesatan & kejahilan |
| Berubah kpd akhlak mulia | Gemar beramal dgn akhlak buruk |
| Sentiasa beramal soleh untuk diri & orang lain | Benci kebaikan & suka kejahatan |
| Memiliki jiwa yg tenang & tenteram | Berada dalam keluh kesah & kecewa |
| Gembira melaksanakan perintah Allah | Malas beribadat kpd Allah |

Maksud "lapang dada" – Cahaya Ilahi yg diletakkan dlm hati seseorang yg menyebabkan hatinya berasa lapang

Tanda Orang Lapang Dada

- Jiwanya cenderung kpd akhirat
- Patuh & taat perintah Allah
- Melakukan kebaikan & menjauhi larangan Allah
- Menghindari diri drpd tipu daya syaitan

Golongan sesat – Kafir / Fasiq / Penentang agama / Zalim / 'Asi / Pendusta

| Kelebihan Dapat Hidayat | Kesan Dapat Hidayat |
|---|---|
| o Dapat menikmati kemanisan iman<br>o Mempunyai matlamat hidup yg jelas<br>o Menjalani hidup berlandaskan syariat Islam<br>o Mengamalkan akhlak mulia yg menepati syarak | - Memperolehi kebahagiaan hidup dunia & akhirat<br>- Beriman kpd Allah & jauhi kesesatan<br>- Sentiasa sabar & tenang menghadapi dugaan hidup<br>- Sentiasa terdorong melakukan kebaikan |

| Kepentingan Hidayat | Cara Memperolehi Hidayat [13] |
|---|---|
| 1. Membimbing ke arah kebenaran<br>2. Supaya segala amalan dapat pahala<br>3. Agar semua tindakan bertepatan dgn Islam | a. Berdoa kpd Allah<br>b. Patuh & taati perintah Allah<br>c. Mengkaji kejadian alam untuk melihat rahsia ciptaan Allah<br>d. Mengamalkan akhlak mulia dlm hidup<br>e. Berkorban demi kebaikan Islam<br>f. Melaksanakan tuntutan fardu ain & fardu kifayah |

| | |
|---|---|
| Berdakawah | Kewajipan bagi setiap umat Islam untuk mengembangkan ajaran Islam mengikut kemampuan masing-masing |
| Tujuan dakwah | 1. Membuka minda bukan Islam untuk mengenali Islam<br>2. Memelihara kesucian Islam<br>3. Meningkatkan martabat agama & umat Islam<br>4. Menegakkan keadilan & mencegah kemungkaran dlm masyarakat |

| Cara Dakwah Rasulullah | Hikmat Berdakwah Cara Rasulullah |
|---|---|
| 1. Berhikmah (bijaksana)<br>2. Nasihat & contoh teladan yg baik<br>3. Berbahas dgn baik secara rasional | a. Dapat memperlihatkan kebaikan ajaran Islam<br>b. Islam lebih mudah diterima oleh bukan Islam<br>c. Bukti Islam tidak memaksa seseorang menganut Islam<br>d. Memberi peluang untuk seseorang membuat perbandingan antara Islam dgn agama lain<br>e. Mewujudkan suasana pergaulan yg baik sesama manusia |

<u>Sikap Pendakwah Yg Baik</u>

- ✓ Berilmu pengetahuan & berkemahiran dalam berdakwah
- ✓ Mempunyai minat & kesungguhan dalam berdakwah
- ✓ Tidak putus asa jika dakwahnya tidak diterima
- ✓ Tidak menghina golongan yg belum mendapat hidayat
- ✓ Mengadakan pergaulan yg baik dgn semua lapisan masyarakat

Hujah membetulkan pandangan orang yg enggan melaksanakan perintah Allah dengan alasan belum dapat hidayat – Hidayat tidak datang sendiri, kita perlu mencarinya. Seseorang tidak akan berubah jika dia tidak berusaha untuk berubah (06)

<u>Pengajaran Ayat (11)</u>

- Kita hendaklah berusaha mendapatkan hidayat Allah / agar sentiasa berada pada jalan kebenaran
- Kita mestilah mentaati perintah Allah / supaya hati sentiasa tenang
- Umat Islam mestilah menjauhi perkara yang boleh menjauhkan hidayat / agar tidak dimurkai Allah
- Umat Islam wajib berdakwah / agar Islam terus berkembang

# BAB 5 : AKIDAH TERAS KEHIDUPAN [Surah al-An'am : 161 – 165]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| قُلْ إِنَّنِى هَدَىٰنِى رَبِّىٓ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ دِينًا قِيَمًا مِّلَّةَ إِبْرَٰهِيمَ حَنِيفًا ۚ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ | 161 : Katakanlah (wahai Muhammad) "Sesungguhnya aku telah ditunjukkan oleh Tuhanku pd jalan yg lurus iaitu agama yg benar (agama Nabi Ibrahim) & Ibrahim itu tidaklah termasuk orang yg musyrik" (09) |
| قُلْ إِنَّ صَلَاتِى وَنُسُكِى وَمَحْيَاىَ وَمَمَاتِى لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ | 162 : Katakanlah "Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku & matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam |
| لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ | 163 : Tiada sekutu bagi-Nya, demikian itulah yg diperintahkan kpdku & aku adalah orang pertama menyerah diri kpd Allah |
| قُلْ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَبْغِى رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَىْءٍ ۚ وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا ۚ | 164 : Katakanlah "Adakah aku akan mencari Tuhan selain Allah pada hal Dia adalah Tuhan bagi segala sesuatu. Dan tidaklah (kejahatan) yg diusahakan seseorang melainkan mudaratnya kembali kpd diri sendiri |
| وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ | Seseorang yg berdosa tidak akan memikul dosa orang lain, kemudian kpd Tuhanmulah kamu kembali & akan diberitakan kpdmu apa yg diperselisihkan (07) |
| وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ ۗ | 165 : Dialah yg menjadikan kamu penguasa(khalifah) di bumi, & meninggikan sebahagian kamu atas yg lain bbrp darjat untuk menguji kamu tentang apa yg diberikan kpd kamu |
| إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ ٱلْعِقَابِ وَإِنَّهُۥ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌۢ | Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaan-Nya & Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang |

Maksud Sirat al-Mustaqim : Agama Islam / Syariat Islam / Ajaran yg benar / Al-Quran & hadis

| | |
|---|---|
| Tauhid Rububiyyah : Pengesaan Allah dlm penciptaan, pentadbiran, pengawasan | Tauhid Uluhiyyah : Pengesaan Allah dlm penyembahan & pengabdian |

| Cara Memelihara Nikmat Islam & Iman | Matlamat Hidup Mukmin |
|---|---|
| ✓ Berdoa agar iman ditetapkan<br>✓ Melakukan amal ibadat berterusan<br>✓ Menjauhi perkara yg merosakkan iman<br>✓ Meninggalkan larangan-larangan Allah<br>✓ Memelihara kesucian Islam dlm semua perkara | o Menyembah Allah<br>o Bertawakal kpd Allah<br>o Melaksanakan tanggungjawab berlandaskan iman kpd Allah<br>o Berazam mendapatkan kebahagiaan dunia & akhirat<br>o Menegakkan syariat Islam di muka bumi |

Hikmat Berada Pada Jalan Yang Lurus (09)

- Hidup sentiasa diredai Allah
- Amalan & doa mudah diterima Allah
- Jiwa sentiasa tenang
- Diberi balasan pahala & dimasukkan ke syurga
- Masyarakat akan sentiasa menghormatinya

Bukti Islam Agama Yang Lurus

- Islam membawa keselamatan hidup manusia dunia & akhirat
- Syariat Islam dapat memandu manusia ke jalan kebenaran yg diredai Allah
- Islam mengajar umatnya berkasih sayang demi keharmonian hidup
- Islam agama universal yg sesuai untuk semua bangsa, tempat & masa
- Ajaran Islam menepati naluri manusia yg inginkan kebaikan

| Sebab Manusia Mesti Beribadat Kpd Allah | Tugas & Tanggungjawab Manusia (07/12) |
|---|---|
| ○ Memenuhi naluri manusia yg memerlukan tempat bergantung<br>○ Menunjukkan tanda bersyukur dgn nikmat Allah<br>○ Satu kewajipan Allah yg mesti ditunaikan<br>○ Untuk memperolehi kebahagiaan hidup di dunia & akhirat<br>○ Menunjukkan kepatuhan hamba kpd Penciptanya | ▪ Menyeru manusia melakukan kebaikan & meninggalkan kemungkaran<br>▪ Memelihara & memakmurkan alam mengikut syariat<br>▪ Melaksanakan syariat Islam di muka bumi<br>▪ Menggunakan nikmat Allah untuk kesejahteraan seluruh manusia<br>▪ Melakukan kebaikan sesama manusia & kpd semua makhluk Allah |

Bidang Tanggungjawab Manusia

| | |
|---|---|
| Al-Ibadat | Mengabdikan diri kpd Allah dgn menunaikan ibadat umun & khusus |
| Al-Khilafah | Membina kekuasaan untuk menjalankan perintah Allah & mentadbir kerajaan berteraskan pengabdian kpd Allah |
| Al-Imarah | Membina prasarana dlm pembangunan spiritual & material untuk membentuk negara yg aman & sejahtera |

Kesan Ingkar Perintah Allah

- Mendapat kemurkaan Allah dgn diazab di dunia & akhirat
- Manusia akan ditimpa dgn pelbagai bencana alam
- Timbul bermacam pergaduhan & permusuhan di kalangan masyarakat
- Keamanan tidak dapat diwujudkan & berlaku kemusnahan alam

Hikmat Allah Menjadikan Manusia Berbeza Taraf & Kedudukan (07/12)

- Menguji keimanan manusia
- Menguji kesabaran manusia
- Agar orang kaya boleh menolong orang miskin
- Dapat mengeratkan silaturrahim
- Supaya manusia rajin memperbaiki diri

<u>Usaha Mewujudkan Penghayatan Islam (09)</u>

- ✓ Sentiasa berpakaian menutup aurat
- ✓ Menghadiri program2 keagamaan seperti kuliah
- ✓ Mengamalkan bacaan doa setiap kali memulakan pekerjaan
- ✓ Menjaga batas pergaulan sesama rakan
- ✓ Menunaikan solat berjemaah bersama rakan & keluarga
- ✓ Mengamalkan budaya salam & berterima kasih

<u>Pengajaran Ayat (12)</u>

- ✓ Kita wajib mensyukuri nikmat Islam & iman / agar berada di jalan yg benar
- ✓ Umat Islam bertanggungjawab atas perbuatannya / kerana semuanya akan ditanya oleh Allah
- ✓ Kita hendaklah mentaati perintah Allah / agar diberkati oleh-Nya
- ✓ Kita mesti memelihara & memakmurkan alam / dengan mengikut syariat Islam

## <u>**BAB 6 : CIRI-CIRI MUKMIN BERJAYA [Surah al-Mukminun : 1-11]**</u>

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| قَدۡ أَفۡلَحَ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ | 1 : Sesungguhnya beruntunglah orang yg beriman |
| ٱلَّذِينَ هُمۡ فِي صَلَاتِهِمۡ خَٰشِعُونَ | 2 : Iaitu orang yg khusyuk mengerjakan solat |
| وَٱلَّذِينَ هُمۡ عَنِ ٱللَّغۡوِ مُعۡرِضُونَ | 3 : Orang yg menjauhkan diri drpd perbuatan sia-sia |
| وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ | 4 : Orang yg mengeluarkan zakat |
| وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِفُرُوجِهِمۡ حَٰفِظُونَ | 5 : Orang yang menjaga kehormatan diri |
| إِلَّا عَلَىٰٓ أَزۡوَٰجِهِمۡ أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ فَإِنَّهُمۡ غَيۡرُ مَلُومِينَ | 6 : Melainkan terhadap isteri & hamba yg mereka miliki, maka mereka dalam hal itu tidak tercela |
| فَمَنِ ٱبۡتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡعَادُونَ | 7 : <u>Sesiapa yg mencari selain itu, meraka adalah orang yg melampau batas (05)</u> |
| وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِأَمَٰنَٰتِهِمۡ وَعَهۡدِهِمۡ رَٰعُونَ | 8 : Dan orang yg menjaga amanah & janjinya |
| وَٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمۡ يُحَافِظُونَ | 9: Orang yg menjaga solatnya |
| أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡوَٰرِثُونَ | 10 : Mereka itu akan mewarisi syurga Firdaus |
| ٱلَّذِينَ يَرِثُونَ ٱلۡفِرۡدَوۡسَ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ | 11 : Mereka kekal di dalamnya untuk selama-lamanya |

Ciri-ciri Mukmin Berjaya (05 / 11)

1. Beriman kepada Allah
2. Khusyuk dalam solat [13]
3. Meninggalkan perbuatan yang sia-sia
4. Mengeluarkan zakat [13]
5. Menjaga kehormatan diri
6. Menunaikan amanah & janji
7. Menjaga waktu-waktu solat

**Khusyuk Dalam Solat** : Mengerjakan solat dgn sepenuh hati krn Allah & tidak terpesong pd perkara-perkara lain. Ianya mampu menghindarkan diri drpd melakukan perkara keji & mungkar

| Cara Memperolehi Khusyuk (05) | Kesan Solat Yang Khusyuk |
|---|---|
| - Tumpukan pandangan ke tempat sujud | # Dapat hayati & fahami ayat Quran yg dibaca |
| - Tidak memikirkan perkara lain selain Allah | # Tingkatkan iman kpd Allah |
| - Sempurnakan segala syarat & rukun solat | # Jadikan solat itu sempurna & dapat pahala |
| - Memahami ayat yg dibaca | # Dapat menikmati solat yg dikerjakan |
| - Hadirkan kekuasaan & keagungan Allah dlm hati | # Mendapat ketenangan jiwa yg sejati |

**Meninggalkan Perbuatan Sia-sia**

Perbuatan sia-sia ialah sebarang percakapan & perbuatan yg tidak mendatangkan faedah kpd diri, agama, masyarakat & negara

| Contoh Perbuatan Sia-sia [13] | Kesan Perbuatan Sia-sia [13] |
|---|---|
| 1. Membuang masa di pusat hiburan | i. Menjatuhkan maruah Islam & umatnya |
| 2. Melakukan kerja yg tiada faedah | ii. Menyebabkan seseorang lalai dgn tanggungjawabnya kpd Allah & keluarga |
| 3. Melakukan perbuatan yg boleh membahayakan diri | iii. Umat Islam akan mundur dlm semua bidang |
| 4. Berbual kosong | iv. Umat Islam lemah & syiar Islam tidak dapat dilaksanakan dgn baik |
| 5. Berpeleseran & melepak | |

Cara Elak Perbuatan Sia-sia

a) Menyertai perkhemahan yg dianjurkan oleh mana-mana pihak untuk menyedarkan diri tentang amanah kpd diri, agama & masyarakat
b) Menyertai badan dakwah untuk kembangkan Islam kpd orang ramai
c) Menghadiri majlis-majlis ilmu untuk menambahkan pengetahuan
d) Turut serta dlm program kemasyarakatan untuk mengeratkan silaturrahim

**Mengeluarkan Zakat** : Suatu kewajipan kpd orang Islam apabila cukup syarat-syaratnya

Peranan Zakat : Membangunkan ekonomi umat Islam / Memajukan masyarakat Islam / Mewujudkan masyarakat Islam yg harmoni & sejahtera / Tingkatkan taraf pendidikan umat Islam

**Menjaga Kehormatan Diri** : Menjaga maruah diri drpd tercemar oleh perbuatan yg dilarang oleh Islam. Hukumnya wajib bagi setiap umat Islam. Bagi menjaga naluri manusia, Islam mensyariatkan perkahwinan agar hubungan menjadi sah.

| Tujuan Menjaga Kehormatan Diri (11) | Cara Menjaga Kehormatan Diri |
|---|---|
| ➢ Melahirkan umat Islam yg bermaruah & dihormati oleh umat lain<br>➢ Mengelakkan perkara yg mendorong maksiat spt zina<br>➢ Menghindari pergaduhan & permusuhan dalam masyarakat<br>➢ Melahirkan masyarakat penyayang berasaskan keluarga bahagia<br>➢ Melahirkan keturunan yg suci & beramal soleh | ❖ Menutup aurat dgn sempurna<br>❖ Mengamalkan akhlak mulia<br>❖ Tidak melakukan kemungkaran<br>❖ Menjauhi zina & pergaulan bebas<br>❖ Tidak melakukan perkara yg merosakkan diri spt penagihan dadah |

**Memelihara Amanah & Menunaikan Janji**

Dua sifat mulia yg mesti diamalkan. Merupakan faktor kekuatan umat Islam. Islam mengharamkan perbuatan khianat krn ianya sifat munafik. Wajib tunaikan amanah & janji terhadap Allah, sesama manusia & alam sekitar.

| | |
|---|---|
| Terhadap Allah | • Mengerjakan segala perintah-Nya dgn ikhlas & sempurna<br>• Meninggalkan semua perkara yg dilarang<br>• Memakmurkan bumi berlandaskan al-Quran & Hadis<br>• Sentiasa mengagungkan kebesaran Allah spt berzikir |
| Terhadap Manusia | o Melaksanakan segala tugas dgn sempurna<br>o Berlaku adil terhadap semua manusia<br>o Berakhlak mulia sesama insan<br>o Sentiasa menjalinkan hubungan baik & mengelakkan kezaliman |
| Terhadap Alam | ✓ Memelihara & memulihara alam sekitar<br>✓ Tidak menzalimi haiwan<br>✓ Melakukan aktiviti yg boleh mengekalkan keindahan alam<br>✓ Mengadakan pembangunan secara baik untuk faedah semua |

**Menjaga Waktu Solat** : Merupakan ketaatan kpd Allah. Sesiapa yg tidak menjaga solatnya, ia sengaja melalaikan ajaran Islam.

Cara Menjaga Waktu Solat

❖ Mengerjakan solat apabila masuk waktu
❖ Tidak melambat-lambatkan solat
❖ Menjaga rukun & syarat sah solat
❖ Bersungguh-sungguh mengerjakan solat

Pengajaran Ayat (11)

✓ Kita mestilah mengerjakan solat dgn khusyuk / agar dapat meningkatkan iman kpd Allah
✓ Umat Islam wajib mengeluarkan zakat / demi kebaikan seluruh umat
✓ Kita hendaklah sentiasa menjaga kehormatan diri / agar terpelihara drpd zina
✓ Kita perlulah memelihara amanah & janji / supaya dirahmati oleh Allah

## BAB 7 : NASIHAT LUQMAN AL-HAKIM [Surah Luqman : 12-19]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا لُقْمَٰنَ ٱلْحِكْمَةَ أَنِ ٱشْكُرْ لِلَّهِ ۚ وَمَن يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ حَمِيدٌ | 12 : Sesungguhnya Kami telah berikan hikmat(kebijaksanaan) kpd Luqman, hendaklah engkau bersyukur kpd Allah, Sesiapa yg bersyukur, mk ia bersyukur utk dirinya sendiri & sesiapa yg kufur (tak bersyukur), mk Allah itu Maha Kaya lagi Maha Terpuji. |
| وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَىَّ لَا تُشْرِكْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ | 13 : Ingatlah ketika Luqman berkata kpd anaknya: Wahai anakku, janganlah engkau sekutukan Allah kerana syirik itu adalah satu kezaliman yg besar. |
| وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَٰلُهُۥ فِى عَامَيْنِ أَنِ ٱشْكُرْ لِى وَلِوَٰلِدَيْكَ إِلَىَّ ٱلْمَصِيرُ | 14 : Dan Kami perintahkan kpd manusia spy berbuat baik kpd ibu bapanya. Ibunya tlh mengandungkannya dlm keadaan lemah & bertambah lemah serta berhenti menyusu dlm tempoh 2 tahun. Bersyukurlah kpd-Ku & jg kpd ibu bapamu , kpd-Ku kamu akan dikembalikan. (10) |
| وَإِن جَٰهَدَاكَ عَلَىٰٓ أَن تُشْرِكَ بِى مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۖ وَصَاحِبْهُمَا فِى ٱلدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۖ وَٱتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَىَّ ۚ ثُمَّ إِلَىَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ | 15 : Jk keduanya memaksa kamu utk mensyirikkan Aku dgn apa yg engkau tak tahu tentangnya, mk janganlah engkau ikut. Bergaullah dgn mereka di dunia dgn baik. Ikutlah jalan org yg bertaubat kpd-Ku. Kpd Akulah kamu kembali & Aku akan beritahu apa yg telah kamu buat. |
| يَٰبُنَىَّ إِنَّهَآ إِن تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ فَتَكُن فِى صَخْرَةٍ أَوْ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ أَوْ فِى ٱلْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا ٱللَّهُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ | 16 : Wahai anakku : jk ada amalan sebesar biji sawi yg ada dlm batu @ di langit @ di bumi, nescaya Allah akan membalasnya. Sesungguhnya Allah Maha Halus Ilmunya lagi Maha Mengetahui. |
| يَٰبُنَىَّ أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ وَأْمُرْ بِٱلْمَعْرُوفِ وَٱنْهَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَآ أَصَابَكَ ۖ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ ٱلْأُمُورِ | 17 : Wahai anakku : dirikanlah solat, suruhlah manusia melakukan kebaikan & cegahlah mrk berbuat kemungkaran, bersabarlah terhadap apa yg menimpa kamu. Bhwsanya yg demikian itu termasuk perkara yg wajib diambil berat (05/09/12) |
| وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِى ٱلْأَرْضِ | 18 : Janganlah kamu memalingkan muka drpd manusia (sombong), janganlah berjalan di muka bumi dgn angkuh, sesungguhnya Allah tidak |

| | |
|---|---|
| مَرَحًا ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ | suka kpd org yg sombong lagi membanggakan diri. |
| وَٱقْصِدْ فِى مَشْيِكَ وَٱغْضُضْ مِن صَوْتِكَ ۚ إِنَّ أَنكَرَ ٱلْأَصْوَٰتِ لَصَوْتُ ٱلْحَمِيرِ | 19 : Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan & rendahkanlah suaramu, sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai. |

*Luqman al-Hakim* adalah seorang hamba Allah yg soleh, bekerja sebagai tukang kayu. Beliau dikurniakan kebijaksanaan oleh Allah. Hidup pada zaman Nabi Daud. Digelar *al-Hakim* kerana kata-kata hikmatnya & kisah hidupnya menjadi pengajaran kpd umat manusia.

<u>Nasihat(Wasiat) Luqman al-Hakim</u>

1. Tidak mensyirikkan Allah
2. Berbuat baik kpd kedua ibu bapa
3. Mengingati balasan & hukuman Allah pd hari akhirat
4. Sabar menghadapi cabaran
5. Berakhlak mulia
6. Mendirikan solat
7. Melakukan kebaikan & meninggalkan kejahatan
8. Amar makruf & nahi mungkar

**Tidak Mensyirikkan Allah (08 / 11)**

Syirik : Perbuatan menyengutukan Allah dgn makhluk-Nya sama ada dr segi zat, sifat atau perbuatan-Nya.

Jenis syirik

| **Syirik Jali** | **Syirik Khafi** |
|---|---|
| Syirik secara terang-terangan spt sembah berhala & memuja kubur | Syirik yg tersembunyi spt percaya kuasa lain(tangkal), riak & takbur |

| <u>Perbuatan Syirik</u> | <u>Keburukan Syirik</u> |
|---|---|
| • Memakai tangkal & azimat – percaya boleh beri kuat<br>• Memuja tempat dianggap keramat spt kubur<br>• Merasa megah & angkuh dgn kelebihan diri<br>• Mengagumi kelebihan seseorang | ○ Imannya kpd Allah terbatal<br>○ Segala amal ibadat tidak diterima Allah<br>○ Dosanya tidak diampunkan Allah<br>○ Mendapat azab neraka & kekal di dalamnya<br>○ Membazirkan masa, wang & tenaga<br>○ Hidup tidak diberkati Allah |

**Berbuat Baik Kpd Ibu Bapa (10 / 11)**

Anak-anak wajib berbuat baik kpd ibu bapa berdasarkan banyak ayat al-Quran. Mereka banyak berjasa & berkorban demi anak-anak. Antara jasa ibu bapa ialah:

1. Ibu mengandungkan anak dalam keadaan susah & kesakitan
2. Mereka menjaga & memelihara anak sejak kecil dgn sempurna
3. Mereka menyediakan segala keperluan agar anak dapat hidup dgn selesa
4. Mereka memberi bimbingan berguna sehingga anak menjadi insan mulia
5. Mereka sanggup merawat anak yg sakit malah sama-sama merasainya
6. Mereka berkorban apa saja yg ada demi kesejahteraan anak

| Sikap Anak Terhadap Ibu Bapa | Kebaikan Yang Diterima |
|---|---|
| i. Bersopan ketika bercakap & berhadapan dgn mereka<br>ii. Mendengar nasihat & patuh pd pengajaran mereka<br>iii. Menunjukkan rasa kasih & ambil berat kebajikan mereka<br>iv. Mendoakan kesejahteraan mereka dunia akhirat<br>v. Melayan mereka dgn baik & melakukan perkara yg mengembirakan mereka | a. Mendapat balasan baik di akhirat<br>b. Didup diberkati & dirahmati Allah<br>c. Memperolehi kesenangan hidup di dunia & akhirat<br>d. Mendapat petunjuk & hidayat drpd Allah<br>e. Dipandang mulia & dihormati orang ramai |

**Menunaikan Kebaikan**

Antaranya mendirikan solat, melakukan kebaikan, amar makruf & nahi mungkar, bersyukur.

| Kelebihan Solat | Berterima Kasih Kepada |
|---|---|
| • Membentuk peribadi muslim yg baik<br>• Mencegah melakukan kemungkaran<br>• Menenangkan jiwa<br>• Memantapkan keimanan kpd Allah<br>• Mendorong kejayaan di dunia & akhirat | ○ Ibu bapa yg banyak berjasa<br>○ Para guru yg membimbing & mencurahkan ilmu<br>○ Pihak yg membantu ketika kita susah<br>○ Kerajaan yg berusaha memajukan negara |

**Gigih & Sabar Menghadapi Cabaran (09)**

Setiap orang tidak terlepas drpd ujian & cabaran. Ianya bertujuan menguji keimanan & kesabaran seseorang. Kita mesti mencontohi kesabaran Rasulullah SAW & para Nabi dlm menegakkan Islam. Semakin tinggi iman seseorang maka semakin kuat cabarannya.

| Sifat Mukmin Menghadapi Cabaran (12) | Kepentingan Sabar |
|---|---|
| ▪ Sabar & tabah menghadapi dugaan<br>▪ Teguhkan iman kpd Allah agar tidak terlibat dgn perkara merosakkan akidah<br>▪ Berusaha sungguh-sungguh utk mengatasi setiap masalah<br>▪ Berdoa & bertawakal kpd Allah<br>▪ Tidak melakukan perkara yg bercanggah dgn tuntutan Islam | ❖ Mendapat pertolongan Allah<br>❖ Tidak mudah dihasut syaitan<br>❖ Tidak mudah berputus asa<br>❖ Dapat selesaikan masalah dgn tenang & mudah |

Contoh bersabar

**Berakhlak Mulia**

Ketinggian peribadi suatu umat bergantung pd akhlak mulia umat tersebut.
Antara peraturan dalam bergaul ialah :

- Memandang ke arah muka orang ketika bercakap dgn gembira
- Jangan bersikap sombong & takbur di atas muka bumi
- Hendaklah berjalan dgn sopan & merendah diri
- Jangan meninggikan suara ketika bercakap kecuali jika pelu

Kelebihan Berakhlak Mulia

- Dipandang mulia & dihormati oleh orang lain
- Dapat mewujudkan keharmonian dlm pergaulan
- Persahabatan sesama manusia akan semakin erat
- Mewujudkan kemesraan antara satu sama lain
- Mudah mendapatkan pertolongan apabila mengalami kesusahan

Kebaikan Nasihat Luqman al-Hakim

| Kepada Individu | Kepada Masyarakat | Kepada Negara |
|---|---|---|
| - Melahirkan insan yg berakhlak mulia<br>- Sentiasa melakukan kebaikan & menghindari kejahatan<br>- Menjauhi syirik & khurafat | - Wujud masyarakat yg aman<br>- Berakhlak mulia & bergaul baik<br>- Terhindar drpd gejala negatif | - Aman, makmur & maju<br>- Martabat negara dapat ditingkatkan<br>- Rakyat berperibadi mulia & berakhlak mulia |

Pengajaran Ayat (11/12)

- Umat Islam hendakalah mengambil pengajaran drpd nasihat Luqman al-Hakim agar berjaya dalam hidup
- Kita mestilah menjauhi perbuatan syirik kerana ianya dosa yg sangat besar di sisi Allah
- Kita wajib berbuat baik kpd ibu bapa supaya dirahmati oleh Allah
- Umat Islam mesti menunaikan solat supaya dapat menghindari diri drpd kemungkaran.

# BAB 8 : LAYANAN BAIK KEPADA BUKAN ISLAM [Surah at-Taubah : 6]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ٱسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ | Dan jika seseorang daripada kaum musyrikin meminta perlindungan kepadamu ( untuk memahami Islam ) , maka berilah perlindungan kepadanya sehingga dia sempat mendengar keterangan ( ayat-ayat ) Allah (05) |
| ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُۥ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْلَمُونَ | kemudian hantarlah dia ke tempat yang aman baginya. Perintah tersebut ialah kerana mereka kaum yang tidak mengetahui ( tentang ajaran Islam ). |

Bentuk Perlindungan (05 / 10 / 13)

Jaminan keselamatan / Makanan & minuman / Tempat tinggal yg aman / Kewangan / Pakaian / Layanan baik

Tujuan Memberi Perlindungan (07)

- Untuk menerangkan ajaran Islam kpd org bukan Islam
- Untuk mengembangkan dakwah Islam kpd manusia
- Menerangkan tentang keindahan & kebaikan Islam
- Mereka makhluk Allah yg tidak mengetahui, maka perlu diberitahu

Cara Memberi Perlindungan Kpd Mereka Yg Berminat Dgn Islam (07)

- Memastikan hak mereka diperlihara
- Memastikan kebajikan mereka dijaga
- Mewujudkan suasana aman & sentosa
- Tidak berkasar & menakut-nakutkan mereka

Kebaikan Memberi Layanan Baik Kpd Bukan Islam (05 / 10 / 13)

- Menarik perhatian mereka supaya mendekati & memahami Islam
- Membuktikan keindahan ajaran Islam
- Umat Islam akan dijadikan contoh teladan dlm semua aspek kehidupan
- Agar mereka memperolehi petunjuk Allah untuk menerima Islam
- Mewujudkan suasana aman dan harmoni

Dakwah : *Mengajak* manusia melakukan perkara kebaikan & meninggalkan kemungkaran
Antara badan dakwah : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) [07]

| Sifat Pendakwah | Strategi Dakwah |
|---|---|
| ○ Beriman & bertaqwa kpd Allah<br>○ Sabar & tabah menghadapi dugaan<br>○ Berani menegakkan kebenaran<br>○ Tidak mudah berputus asa<br>○ Menguasai pelbagai bidang ilmu | ▪ Bergaul dgn baik serta menunjukkan contoh teladan yg baik kpd mereka<br>▪ Menunjukkan kpd bukan Islam bhw Islam adalah cara hidup yg sesuai diamal sepanjang zaman<br>▪ Menggunakan media massa yg sesuai spt TV, internet & buku utk menyampaikan mesej dakwah |

Islam memerintahkan umatnya berdamai apabila musuh inginkan perdamaian

Tujuan Berdamai

- ✓ Menunjukkan Islam mementingkan perdamaian & keamanan
- ✓ Menggambarkan kebaikan & keindahan Islam
- ✓ Membuktikan Islam mengutamakan perpaduan di kalangan manusia

| Kesan Perdamaian | Kesan Peperangan |
|---|---|
| ❖ Rakyat dapat hidup dgn selesa<br>❖ Pendidikan rakyat berterusan<br>❖ Ekonomi menjadi kuat & mantap<br>❖ Pembangunan negara terus berkembang | ➢ Kehilangan nyawa manusia<br>➢ Kemusnahan harta benda<br>➢ Kemajuan ekonomi negara terbantut<br>➢ Kekuatan pertahanan akan berkurangan |

Pengajaran Ayat [10 / 13]

- Kita hendaklah berusaha melaksanakan dakwah / dengan cara berhikmah
- Kita hendaklah menunjukkan teladan yg baik / supaya Islam dipandang mulia
- Kita hendaklah memberi perlindungan kpd bukan Islam / agar mereka tertarik dgn Islam
- Kita hendaklah mengamalkan akhlak yg baik / dalam pergaulan

## BAB 9 : NABI MUHAMMAD UTUSAN ALLAH [Surah at-Taubah : 128-129]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ | 128 : Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul dari golongan kamu sendiri , yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu |
| حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ | yang sangat inginkan kebaikan bagi kamu , dia pula melimpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang beriman |
| فَإِن تَوَلَّوْاْ فَقُلْ حَسْبِىَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ | 129 : Kemudian jika mereka ingkar maka katakanlah wahai Muhammad , cukuplah bagiku Allah yang menolong dan memeliharaku , tiada tuhan yang berhak disembah melainkan-Nya |
| عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ | Kepada-Nya aku berserah diri dan Dialah yang mempunyai 'Arasy yang besar |

| Hikmat Nabi Dipilih Di kalangan Manusia [06] | Bukti Kasih Sayang Rasulullah Kpd Umatnya [06] |
|---|---|
| ✓ Memudahkan manusia menerima ajaran Islam<br>✓ Memudahkan manusia berkomunikasi & mencontohi Rasulullah<br>✓ Hanya manusia mengetahui keperluan & kehendak manusia<br>✓ Membuktikan syariat Islam mampu dilaksanakan oleh manusia | ➢ Baginda sangat mengambil berat tentang kebajikan umatnya<br>➢ Baginda sangat belas kasihan kpd org mukmin<br>➢ Baginda sangat berharap umatnya mendapat hidayah Allah<br>➢ Baginda mendoakan penduduk Thaif agar diberi hidayah walaupun dicaci & disakiti |

Cara mengasihi Nabi (09)

| | |
|---|---|
| Berselawat ke atas baginda @ mendoakannya | Berakhlak mulia |
| Mengamalkan sunnahnya | Menghafal hadisnya |
| Melaksanakan perintahnya | Menghormati ahli keluarganya |

Cara contohi sifat kasih sayang Nabi sebagai pelajar [06]

- Menghulurkan bantuan kpd guru & rakan yg memerlukan
- Memaafkan kesalahan org lain terhadap kita
- Menyayangi sesama makhluk termasuk manusia & alam

**Tawakal** : *Berserah* kepada Allah / setelah *berusaha* bersungguh-sungguh (09)

Kepentingan Tawakal Kpd Pendakwah (06/09)

- Menambahkan keyakinan diri dalam berdakwah / melalui contoh teladan
- Menanamkan sifat sabar / dalam menempuh ujian
- Tidak mudah putus asa / apabila mendapat tekanan
- Yakin dgn pertolongan Allah / bagi menyelesaikan sst masalah
- Sentiasa ikhlas berdakwah / tanpa mengharapkan ganjaran

Pengajaran Ayat

- Kita hendaklah sentiasa berselawat ke atas Nabi / agar mendapat syafaat darinya
- Kita mestilah bertawakal kepada Allah / untuk mengelakkan putus asa
- Kita hendaklah mencontohi keperibadian Rasulullah / untuk menjadi umat Islam terbaik
- Kita hendaklah mengasihi sesama Islam / agar perpaduan sentiasa kukuh

# BAB 10 : BATAS-BATAS PERGAULAN [Surah an-Nur : 30-31]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَـٰرِهِمْ وَيَحْفَظُوا۟<br>فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا<br>يَصْنَعُونَ | 30 : Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan/merendahkan pandanganya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih Suci bagi mereka, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang mereka perbuat". |
| وَقُل لِّلْمُؤْمِنَـٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَـٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ<br>فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ<br>وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ | 31 : Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung kepala ke dadanya, |
| وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ<br>ءَابَآئِهِنَّ أَوْ ءَابَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَآئِهِنَّ أَوْ<br>أَبْنَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ إِخْوَٰنِهِنَّ<br>أَوْ بَنِىٓ أَخَوَٰتِهِنَّ أَوْ نِسَآئِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَـٰنُهُنَّ<br>أَوِ ٱلتَّـٰبِعِينَ غَيْرِ أُو۟لِى ٱلْإِرْبَةِ مِنَ ٱلرِّجَالِ أَوِ<br>ٱلطِّفْلِ ٱلَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا۟ عَلَىٰ عَوْرَٰتِ ٱلنِّسَآءِ ۖ | dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau Saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau budak- budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita [13] |
| وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِن زِينَتِهِنَّ ۚ<br>وَتُوبُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ<br>تُفْلِحُونَ | dan janganlah mereka menghentakkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung. |

Perintah Allah Dalam Ayat

- Menjaga pandangan mata drpd lihat perkara haram [06]
- Memelihara kehormatan untuk mengelakkan fitnah
- Menjaga batas aurat kecuali yg dibenarkan syarak
- Melabuhkan kain tudung hingga menutup belahan dada
- Tidak memperlihatkan barang perhiasan kecuali yg biasa nampak saja

Cara Menjaga Maruah Diri (12)

- Menjaga pandangan drpd perkara yang diharamkan Allah seperti melihat aurat orang lain
- Memelihara kehormatan diri drpd hawa nafsu seperti zina
- Menutup aurat agar terpelihara drpd gangguan

Batasan aurat [10]

| Situasi | Batasan Aurat |
|---|---|
| Antara perempuan dgn lelaki mahram | Dari pusat hingga ke lutut |
| Antara perempuan dgn perempuan bukan Islam, lelaki bukan mahram & ketika bersolat | Seluruh badan kecuali muka & 2 tapak tangan |
| Aurat lelaki dalam semua keadaan kecuali ketika bersama isteri | Dari pusat hingga ke lutut |

Kebaikan Menjaga Kehormatan Diri [06]

- ✓ Terpelihara maruah – maruah akan tergadai dgn berzina
- ✓ Terpelihara keturunan – anak yg lahir dr perhubungan yg sah
- ✓ Kesihatan terjamin – terhindar dr kekotoran & penyakit

Kebaikan Menutup Aurat [06 /10 / 13]

- Maruah & kehormatan diri terjaga
- Dapat mengelakkan diri drpd fitnah & gangguan yg memudaratkan
- Seseorang akan dipandang mulia & dihormati orang lain
- Dapat sentiasa mendekatkan diri dgn Allah

Golongan yg boleh untuk diperlihatkan perhiasan diri wanita
Suami / Bapa, datuk & ke atas / Bapa mentua / Adik-beradik lelaki / Anak saudara / Ayah & anak tiri

Etika Berpakaian Menurut Islam [06 / 13]

- Berniat utk mensyukuri nikmat Allah / Bertujuan utk menutup aurat
- Tebal, tidak jarang / Longgar, tidak ketat
- Tidak menyerupai pakaian upacara agama lain
- Lelaki tidak dibenarkan memakai emas dan sutera
- Lelaki tidak menyerupai pakaian wanita & wanita tidak menyerupai pakaian lelaki

Soalan 08

1. Golongan yg disuruh menjaga pandangan : Org Islam / Org soleh / Org lelaki & perempuan

2. Cara kawal pandangan : Tidak melihat aurat org lain / Tidak melihat perbuatan maksiat / Tidak melihat bahan lucah.

3. Usaha menjaga batas pergaulan dlm keluarga : Sentiasa berpakaian sopan ketika bersama / Menjaga percakapan / Berdoa utk kebaikan keluarga

Pengajaran Ayat (12)

- ✓ Kita hendaklah menjaga pandangan mata / agar terpelihara drpd dosa
- ✓ Kita mestilah menutup aurat / supaya maruah diri terpelihara
- ✓ Kita hendaklah sentiasa bertaubat kpd Allah / agar jiwa menjadi tenang
- ✓ Kita hendaklah menjaga batas pergaulan / untuk melahirkan kehidupan yg harmoni

# BAB 11: HIDAYAT ALLAH SWT [Surah an-Nur : 35]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ مَثَلُ نُورِهِۦ<br>كَمِشۡكَوٰةٖ فِيهَا مِصۡبَاحٌۖ ٱلۡمِصۡبَاحُ فِي زُجَاجَةٍۖ | Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah, adalah sebagai lubang yg tak tembus, di dalamnya sebuah lampu , lampu itu dalam geluk kaca |
| ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوۡكَبٞ دُرِّيّٞ يُوقَدُ مِن شَجَرَةٖ<br>مُّبَٰرَكَةٖ زَيۡتُونَةٖ لَّا شَرۡقِيَّةٖ وَلَا غَرۡبِيَّةٖ يَكَادُ<br>زَيۡتُهَا يُضِيٓءُ وَلَوۡ لَمۡ تَمۡسَسۡهُ نَارٞۚ | geluk kaca itu pula ( jernih terang ) laksana bintang yang bersinar cemerlang. Lampu itu dinyalakan dengan minyak daripada pokok yang banyak manfaatnya iaitu pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa terbit dan terbenamnya ( tetapi sentiasa terdedah kepada matahari ) hampir-hampir minyak itu dengan sendiri memancarkan cahaya bersinar ( kerana jernihnya ) walaupun ia tidak disentuh api |
| نُّورٌ عَلَىٰ نُورٖۚ يَهۡدِي ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُۚ<br>وَيَضۡرِبُ ٱللَّهُ ٱلۡأَمۡثَٰلَ لِلنَّاسِۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ<br>عَلِيمٞ | ( Sinar nur hidayah itu demikian bandingannya adalah sinar yang berganda-ganda ). Cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendaki-Nya ( menurut undang-undang dan peraturan-Nya ) kepada nur hidayah-Nya itu. Dan Allah mengemukakan pelbagai perbandingan untuk manusia dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu |

Maksud " Nur " : Cahaya petunjuk drpd Allah / yg membawa manusia ke jalan kebaikan & kebenaran
Hanya orang yg Allah kehendaki saja akan mendapat cahaya hidayah tersebut [09]

Hidayah seperti sebuah lampu : Hidayah Allah menerangi hati org beriman spt cahaya menerangi alam[07]

<u>Ciri-ciri Golongan Yang Mendapat Hidayah</u>

- ✓ Sentiasa bertasbih & bertahmid kpd Allah serta melakukan perintah-Nya
- ✓ Menjalankan urusan jual beli tanpa lalai mengingati Allah
- ✓ Mendirikan solat fardu pada awal waktu
- ✓ Mengeluarkan zakat mengikut syarat-syaratnya
- ✓ Takut kpd azab Allah jika melanggar perintah-Nya

<u>Cara Memperolehi Hidayah [07]</u>

- ❖ Menuntut ilmu – Dgn ilmu kita dapat bezakan perkara baik dgn buruk & mudah menghayati Islam
- ❖ Beramal – Beramal dgn ilmu yg diperolehi, Allah benci kpd org yang tidak beramal dgn ilmunya
- ❖ Zikrullah – Dgn mengingati Allah hati akan lembut & tenang serta mudah menerima kebenaran
  Contoh zikir : Tasbih / Tahmid / Takbir / Istighfar / Tahlil [07]

<u>Halangan Mendapatkan Hidayah [07/09]</u>

- ➢ Terus berada dalam kejahilan
- ➢ Tidak berusaha menuntut ilmu
- ➢ Tidak beramal dgn ilmu yg dipelajari

- Bersikap sombong & tidak mahu menerima kelemahan diri
- Melakukan perkara mungkar & maksiat
- Makan makanan haram & minum minuman haram

Akibat Tidak Mendapat Hidayah

- Jiwa & perasaan sentiasa gelisah
- Mudah melakukan perkara maksiat
- Mengamalkan akhlak yg buruk dalam kehidupan
- Mendapat kesusahan dlm hidup

Al-Quran Sebagai Mukjizat

| | |
|---|---|
| a. Allah kurniakan mukjizat kpd rasul utk melemahkan hujah org yg menentangnya serta kuatkan hujah bhw rasul utusan Allah<br>b. Nabi Muhammad dikurniakan banyak mukjizat & yg teragung ialah al-Quran kerana ia kekal sehingga kiamat | Ciri kemukjizatan al-Quran<br><br>o Gaya bahasanya sgt indah hingga melemahkan penguasaan org Arab<br>o Mengandungi pelbagai jenis ilmu termasuk alam ghaib<br>o Allah cabar manusia mencipta satu ayat namun tiada yg mampu menandingi kehebatan Quran |

Bukti Al-Quran Dr Allah, bukan rekaan Nabi Muhammad

- Baginda seorang yg ummi(buta huruf)
- Sebelum diturunkan wahyu, Nabi tidak pernah sebut pun ayat Quran
- Mustahil Nabi tahu tentang perkara ghaib tanpa wahyu dr Allah

| Ilmu Fardu Ain | Ilmu Fardu Kifayah |
|---|---|
| Ilmu yg wajib dipelajari oleh setiap muslim yg mukallaf utk sempurnakan ibadat khusus spt cara tunaikan solat | Ilmu yg wajib dikuasai oleh sebahagian umat Islam bg sempurnakan hubungan sesama makhluk spt ilmu perubatan & urusan jenazah |

Kepentingan Ilmu Kpd Org Beriman

- ✓ Dapat membezakan perkara baik dgn perkara buruk
- ✓ Dapat beribadat dgn sempurna
- ✓ Dapat meningkatkan iman & taqwa kpd Allah
- ✓ Utk memperolehi kebahagiaan hidup di dunia & akhirat

Pengajaran Ayat [09]

- Umat Islam hendaklah melaksanakan perintah Allah / agar dikasihi oleh-Nya
- Umat Islam wajib menuntut ilmu / untuk mendapatkan petunjuk Allah
- Manusia perlu berusaha / bagi mendapatkan hidayah Allah
- Manusia perlu berusaha mendapatkan hidayah Allah / supaya hidup diberkati

# BAB 12 : PERIBADI MUKMIN [Surah as-Sajdah : 15-16]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِـَٔايَـٰتِنَا ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا۟ بِهَا خَرُّوا۟<br>سُجَّدًا وَسَبَّحُوا۟ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا<br>يَسْتَكْبِرُونَ ۩ | 15 : Sesungguhnya yang sebenar-benar <u>beriman</u> kepada ayat-ayat keterangan Kami hanyalah orang yang apabila diberi peringatan dan pengajaran dengan ayat-ayat itu, mereka segera sujud ( menandakan taat dan patuh ) dan menggerakkan lidah mereka dengan bertasbih serta memuji <u>Tuhan mereka</u>, dan mereka pula tidak bersikap sombong dan takbur [10/12] |
| تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ<br>خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَـٰهُمْ يُنفِقُونَ | 16 : Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur ( sedikit sangat tidur , kerana mengerjakan solat tahajud dan amal soleh ) mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut ( akan kemurkaannya ) dengan perasaan ingin memperolehi lagi ( keredhaan ), dan mereka selalu menginfakkan sebahagian daripada rezeki yang kami berikan kepada mereka. |

<u>Ciri-ciri Orang Beriman [Berdasarkan ayat] [06/08/10/12]</u>

| |
|---|
| 1. Sujud kepada Allah [06]<br><br>Orang beriman kpd Allah akan memiliki jiwa yg sentiasa sedar tentang kebesaran Allah.<br>Mereka sujud bila mendengar ayat-ayat Allah [ayat sajadah]<br>Patuh, tunduk @ taat semua perintah Allah yg berbentuk suruhan @ larangan |
| 2. Sentiasa mengingati Allah [berzikir]<br><br>Lafaz-lafaz zikir : Tasbih [Subhanallah] / Tahmid [Alhamdulillah] / Takbir [Allahu Akbar] / Tahlil [Lailahaillallah] / Basmalah [Bismillahirrahmanirrahim] / Hauqolah [Lahaulawalaquwwataillabillah] / Istighfar [Astaghfirullah] |
| 3. Tidak bersifat Takbur [08]<br><br>Orang beriman tidak akan bersifat sombong, mrk yakin hanya Allah saja yg layak bersifat demikian.<br>Sentiasa merendah diri @ tidak banga diri |
| 4. Melazimi qiamullail [mendirikan malam] [08]<br><br>Bangun 1/3 @ tengah malam utk dekatkan diri kpd Allah dgn ibadat2 spt solat, berzikir, berdoa dll<br>Merupakan sumber kekuatan rohani bagi mukmin |
| 5. Membelanjakan harta di jalan Allah<br><br>Sebaiknya menginfakkan harta yg disayangi.<br>Cara menginfakkan harta pd jalan Allah:<br>• Menyumbang utk fakir miskin<br>• Menyumbang utk perbelanjaan anak yatim<br>• Kegunaan masjid & surau<br>• Pembinaan & pengurusan sekolah<br>• Program2 dakwah Islamiah |

| Kelebihan Orang beriman | Keburukan Orang Tidak Beriman |
|---|---|
| a) Mendapat kebahagiaan dlm hidup<br>b) Jiwa & perasaan tenteram<br>c) Terhindar drpd perkara tidak baik<br>d) Menjadi seorang yg sabar<br>e) Disenangi oleh semua org | a) Mendapat kesusahan dlm hidup<br>b) Jiwa yg sentiasa gelisah<br>c) Sentiasa melakukan maksiat kpd Allah<br>d) Mudah berputus asa & kecewa<br>e) Dibenci oleh masyarakat |

Kepentingan Pembangunan Berasaskan Keimanan

- Pembangunan adalah tuntutan Islam dgn syarat mesti berasaskan keimanan kpd Allah.
- Pembangunan bukan berdasarkan taqwa akan terpesong krn ikut nafsu semata-mata. Kesannya akan lahir kezaliman, penindasan & kerakusan yg menginginkan keuntungan saja.
- Pembangunan yg seimbang antara tuntutan rohani & jasmani akan melahirkan sifat toleransi, qanaah(reda), keadilan & pemeliharaan alam sekitar yg akhirnya memberi kebahagiaan dunia akhirat.

Jenis Sujud

| Jenis sujud | Bilangan sujud | Waktu sujud | Sebab sujud |
|---|---|---|---|
| Tilawah / Sajadah | 1 kali | Di luar solat / dalam solat | Membaca @ mendengar ayat sajadah |
| Sahwi | 2 kali | Sebelum salam | Terlupa rukun solat @ sunat ab'ad |
| Syukur | 1 kali | Di luar waktu solat | Mendapat nikmat @ terlepas drpd bencana |

Pengajaran Ayat [06/10/12]

I. Kita hendaklah sentiasa menunaikan solat / supaya jiwa tenang
II. Kita hendaklah melazimi qiamullail / untuk memperolehi ganjaran yg besar
III. Kita hendaklah sentiasa berzikir / supaya diredai Allah
IV. Kita hendaklah berusaha mencari rezeki yg halal / untuk dimanfaatkan ke jalan Allah

# BAB 13 : KEMULIAAN AL-QURAN [Surah al-Hasyr : 21-24]

| Ayat | Maksud |
|---|---|
| لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُۥ <u>خَٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا</u> مِّنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۚ وَتِلْكَ ٱلْأَمْثَٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ | 21 : Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas gunung, nescaya engkau dapati gunung itu <u>tunduk khusyuk serta berkecai</u> kerana takut kepada Allah. Dan ( ingatlah ) contoh-contoh perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia supaya mereka memikirkannya (12) |
| هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا <u>هُوَ ۖ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ</u> ۖ هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ | 22 : Dialah Allah yang tiada Tuhan selain <u>Dia, yang Mengetahui perkara yang ghaib dan nyata</u>, Dia Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani [05] |
| هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْمَلِكُ ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلْمُؤْمِنُ ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ ٱلْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ | 23 : Dialah Allah yang tiada Tuhan selain Dia. Yang Menguasai, yang Maha Suci, yang Maha Selamat Sejahtera, Dia Melimpahkan Keamanan, yang Maha Memelihara, Maha Perkasa, Maha Kuasa, Maha Memiliki Segala Keagungan, Maha Suci Allah daripada segala yang mereka sekutukan dengannya |
| هُوَ ٱللَّهُ ٱلْخَٰلِقُ ٱلْبَارِئُ ٱلْمُصَوِّرُ ۖ لَهُ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ | 24 : Dialah Allah yang Mencipta sekalian makhluk, yang Mengadakan ( daripada tiada kepada ada ), yang Membentuk rupa ( makhluk-Nya menurut yang dikehendaki-Nya ) bagi-Nyalah nama-nama yang sebaik-baik dan semulia-mulianya. Bertasbih kepada-Nya segala yang dilangit dan dibumi. Dan Dialah yang tidak ada Tolok Bandingnya, lagi Maha Bijaksana |

<u>Perbandingan antara manusia dgn bukit apabila diturunkan al-Quran [05]</u>

- Bukit akan hancur berkecai krn takutkan Allah & amanah yg terkandung dlmnya sgt besar [09]
- Menunjukkan betapa besarnya t/jawab & amanah yg dipikul oleh manusia
- Manusia yg ingkar tidak takut & gerun dgn amanah al-Quran

<u>Keistimewaan al-Quran [07/09/12]</u>

- Diturunkan kpd Rasulullah SAW sebagai mukjizat teragung
- Kandungannya lengkap & merangkumi semua aspek kehidupan manusia termasuk akidah, ibadat & akhlak
- Ajarannya sesuai diamal oleh semua bangsa, di semua tempat & zaman
- Ianya terpelihara drpd penyelewengan & perubahan hinggalah kiamat
- Keindahan bahasanya tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun
- Al-Quran dapat membimbing manusia mencapai bahagia di dunia & akhirat
- Setiap huruf yg dibaca dikira ibadat & dapat pahala

Sebab al-Quran Diturunkan Kpd Manusia [07]

- Kerana manusia merupakan khalifah Allah di muka bumi
- Agar manusia dapat menjadikannya panduan hidup
- Supaya manusia dapat mengkaji ilmu2 Allah
- Agar manusia dapat beribadat kpd Allah dgn sempurna

Cara Menghayati al-Quran [09]

- Istiqamah dalam membaca al-Quran
- Memahami & mengamalkan isi kandungnnya dlm hidup seharian
- Sentiasa mempelajari & mendalami isi kandungannya
- Membaca al-Quran dgn bertajwid & bertarannum

Semua Makhluk Tunduk & Patuh Kpd Allah

- Semua makhluk diperintahkan agar patuh dgn segala ketetapan Allah.
- Hanya mereka yg ingkar & lalai akan tidak patuh kpd-Nya.
- Makhluk yg patuh akan sentiasa taati perintah & larangan Allah serta sentiasa berzikir kpd-Nya.
- Mahkluk lain spt bulan & matahari tunduk kpd Allah dgn tetap beredar pd paksinya.

Nama-nama Allah [Asmaul Husna] [05/07]

| | | |
|---|---|---|
| ar-Rahman [Maha Pemurah] | al-Mukmin [Maha Pemelihara] | al-Khaliq [Maha Pencipta] |
| ar-Rahim [Maha Pengasih] | al-Muhaimin [Maha Pengawas] | al-Bari [Maha Menjadikan] |
| al-Malik [Maha Penguasa] | al-Aziz [Maha Mulia] | al-Musawwir [Maha Pembentuk] |
| al-quddus [Maha Suci] | al-Jabbar [Maha Perkasa] | al-Hakim [Maha Bijaksana] |
| as-Salam [Maha Sejahtera] | al-Mutakabbir [Maha Agung] | |

Pengajaran Ayat (12)

- Kita hendaklah meyakini kebenaran al-Quran / kerana ianya mukjizat terbesar kpd Rasulullah SAW
- Kita mestilah mengamalkan isi kandungan al-Quran / supaya berjaya di dunia & akhirat
- Kita hendaklah patuh kpd Allah / kerana Dia yang Maha Berkuasa

# <u>BAB 1 : MAKANAN YANG BAIK</u>

| | |
|---|---|
| عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لاَ يَقْبَلُ إِلاَّ طَيِّبًا وَإِنَّ اللهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِيْنَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِيْنَ | Daripada Abu Hurairah R.A. meriwayatkan katanya Rasulullah bersabda : Sesungguhnya Allah itu baik Dia tidak menerima melainkan yang baik. Sesungguhnya Allah memerintahkan orang mukmin dengan apa yang diperintahkan-Nya kepada semua rasul |
| فَقَالَ تَعَالَى: يَـــأَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا. وَقَالَ تَعَالَى: يَـــأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَارَزَقْنَاكُمْ. | dengan firman-Nya : Wahai sekalian rasul ! Makanlan makanan yang baik dan beramallah dengan amalan yang soleh. Firman-Nya lagi : Wahai sekalian orang yang beriman makanlah makanan yang baik yang telah kami beri rezeki kepada kamu. |
| ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيْلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَارَبِّ يَارَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْـــرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ. (رواه المسلم) | Kemudian baginda menyebutkan seorang lelaki yang jauh perjalanannya, kusut masai rambutnya dan berdebu mukanya menghulurkan kedua tangannya ke langit ( berdoa ) Wahai tuhanku ! Wahai tuhanku ! Padahal makanannya haram, minumannya haram dan pakaiannya haram dan mulutnya disuapkan dengan yang haram. Maka bagaimanakah akan aku perkenankan doanya? |

<u>Tuntutan Daripada Hadis [05]</u>

1. Melakukan amal soleh
2. Makan makanan yang halal
3. Minum minuman yang halal
4. Memakai pakaian yang menutup aurat & bersih dari sumber yang halal (12)

<u>Ciri-ciri Makanan Halal & Haram</u>

| Makanan Halal [07 / 09 / 11] | Makanan Haram [13] |
|---|---|
| 1. Bahannya halal dimakan | 1. Diperbuat drpd bahan yang haram |
| 2. Mengandungi protein & vitamin | 2. Mengandungi kuman & racun |
| 3. Bahan makanan yg segar & baru | 3. Bahan makanan yg buruk & rosak |
| 4. Boleh dimakan menurut syarak sbb tiada pengharamannya dlm Quran | 4. Haram dimakan kerana ada pengharamannya dalam Quran |
| 5. Tidak memudaratkan akal & badan | 5. Mendatangkan mudarat pada badan & akal |
| 6. Disembelih dgn nama Allah | 6. Disembelih bukan kerana Allah @ tidak menepati syarat sembelihan |

<u>Hikmat Memilih Makanan & Minuman Yang Halal [09 /11/12]</u>

- Menjaga kesihatan badan agar sentiasa sihat & bertenaga
- Memelihara kewarasan akal supaya boleh berfikir dgn baik
- Doa dimakbulkan Allah kerana makan makanan haram menjadi penghalang doa
- Mendapat pahala kerana mentaati perintah Allah

- Menjaga maruah orang Islam kerana dapat meninggalkan larangan Allah

Kesan Memakan Makanan Yang Haram [05 / 13]

- Memudaratkan anggota badan
- Susah mendapat hidayah drpd Allah
- Boleh merosakkan kewarasan akal
- Menyebabkan doa ditolak oleh Allah

Cara Menghindari Diri Drpd Makan Makanan Haram [09 / 13]

- Memastikan sumber yang diperolehi / drpd yg halal
- Memastikan bahan yg digunakan / drpd bahan yg halal
- Menghindari drpd makanan yg syubhah / supaya diberkati Allah
- Memastikan makanan yg dibeli ada logo halal / yg disahkan oleh JAKIM

Hubungan Makanan, Minuman & Pakaian Dengan Ibadat [07]

- Umat Islam diseru sentiasa berwaspada terhadap cara pengambilan makanan & minuman serta berpakaian menutup aurat.
- Semuanya berkait rapat dgn sesuatu amalan yg dilakukan.
- Antara punca doa ditolak termasuklah memakan & meminum benda yg haram serta berpakaian tidak menutup aurat.

Rukhsah Makan & Minum Yang Haram

Rukhsah : Kelonggaran kepada umat Islam untul makan & mimum yg haram kerana darurat.

| Syarat diharuskan makan & minum yg haram [05 / 07 /11] | Hikmat diharuskan makan & minum yg haram |
|---|---|
| 1. Hanya terdapat makanan & minuman yg haram saja pd masa tersebut<br>2. Sesuatu yg dimakan & diminum itu sekadar untuk menyelamatkan nyawa saja<br>3. Yg dimakan & diminum itu bukanlah bertujuan untuk kenyang | 1. Dapat menjaga nyawa yg sangat berharga dalam kehidupan<br>2. Sebagai kelonggaran kpd umat Islam utk menyelamatkan nyawa<br>3. Satu bukti bahawa Islam tidak membebankan umatnya |

Pengajaran Hadis (12)

- ✓ Kita hendaklah memilih makanan yang halal / agar doa dimakbulkan Allah
- ✓ Kita mestilah sentiasa beramal soleh / supaya jiwa menjadi tenang
- ✓ Kita hendaklah menjauhi memakai pakaian yg haram / agar ibadah diterima Allah

# BAB 2 : PERPADUAN TERAS KEMAJUAN

| | |
|---|---|
| عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: | Dari Abu Hurairah ia berkata, Rasulullah SAW bersabda : |
| لاَ تَحَاسَدُوا وَلاَ تَنَاجَشُوا وَلاَ تَبَاغَضُوا وَلاَ تَدَابَرُوا وَلاَ يَبْعَ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللهِ اخْوَانًا. | Janganlah kamu saling dengki mendengki, janganlah tipu menipu, janganlah benci membenci, janganlah musuh memusuhi, jangan kamu jual atas jualan org lain, jadilah kamu sebagai hamba Allah SWT yg bersaudara. |
| الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لاَ يَظْلِمُهُ وَلاَ يَخْذُلُهُ وَلاَ يَكْذِبُهُ وَلاَ يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَهُنَا وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ | Seorang Islam itu adalah saudara bg org Islam yg lain, tidak boleh menganiayai, tidak boleh mengecewakan, tidak bolen berbohong, tidak boleh menghinanya. Taqwa itu di sini sambil ia tunjuk ke dadanya 3 kali.(12) |
| بِحَسْبِ امْرِىءٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ. | Cukuplah kejahatan seseorg itu dgn ia menghina saudaranya yg lain. Setiap muslim dgn muslim yg lain diharamkan darahnya, hartanya & maruahnya. [Riwayat Muslim] |

Faktor Perpecahan Umat Islam Berdasarkan Hadis / Sifat mazmumah [06 / 08 / 09 / 10 / 11]

1. Dengki mendengki
2. Benci membenci
3. Tipu menipu
4. Berpaling muka / sombong
5. Jual beli di atas jualan orang lain

| |
|---|
| **Al-Hasad** : Perasaan dengki & kurang senang dengan kelebihan orang lain dengan mengharap nikmat tersebut hilang & berpindah kepadanya.<br><br>Islam melarang umatnya berhasad dengki kerana;<br>• Hasad akan menghilangkan segala amal kebajikan yg dilakukan<br>• Boleh menimbulkan pergaduhan di kalangan umat Islam<br>• Wujud suasana benci menbenci antara satu sama lain<br>• Menyebabkan jiwa seseorang itu tidak tenteram & benci melihat kesenangan org lain |
| **Membenci** : Perasaan marah & tidak menyenangi org lain. Lahir drpd sifat sombong & angkuh yg mendorong ssorg memfitnah, menghina & menyakiti org lain.<br><br>Kesan buruk membenci;<br>Terhadap Individu : - Seseorang akan dibrnci oleh org lain & sukar bergaul<br>- Jiwa tidak tenang & sentiasa gelisah<br>- Hilang sifat kasih sayang dalam diri<br>Terhadap Masyarakat : - Berlaku permusuhan dalam masyarakat |

| |
|---|
| - Masyarakat akan berpecah & menjadi lemah<br>- Masyarakat Islam tidak dihormati oleh kaum lain |
| **Berpaling muka (11)** : Mereka yg mementingkan diri sendiri, tidak bertegur sapa, megah diri & tidak menghiraukan orang lain. |
| **Menipu** : Tidak jujur dalam menjalankan muamalat sama ada melalui percakapan @ perbuatan. Sikap ini hanya untuk menyusahkan org lain |
| **Jual beli atas jualan org lain** : Dilarang kerana ia membatalkan jual beli org lain demi kepentingan diri. |

Sebab Larangan Dalam Hadis [08]

- Bagi mewujudkan suasana yang muhibbah & berkasih sayang sesama manusia
- Mewujudkan ikatan persaudaraan yg kukuh di kalangan umat Islam
- Sikap-sikap tersebut akan memecahbelahkan masyarakat & menjadikannya lemah
- Menyebabkan umat Islam tidak maju, ketinggalan & sentiasa berfikiran pasif

Akibat Mengingkari Larangan Hadis [10]

- Orang Islam akan berpecah belah & berlaku permusuhan
- Mencemarkan kesucian Islam kerana umatnya sering bergaduh
- Tidak wujud lagi suasana harmoni & berkasih sayang sesama manusia
- Unsur-unsur negatif mudah menular dalam masyarakat Islam
- Masyarakat akan dimurkai oleh Allah & diturunkan bala

Langkah Mewujudkan Perpaduan [08/09/12]

- Megamalkan sikap bersatu padu & berkasih sayang sesama manusia
- Mengadakan aktiviti keagamaan & kemasyarakatan yg melibatkan semua pihak
- Menghindarkan sikap mementingkan diri sendiri yg menyebabkan ssorg sanggup menzalimi org lain
- Mengelakkan sebarang pertelingkahan & pergaduhan yg boleh memecahbelahkan masyarakat
- Mengamalkan amar makruf & nahi mungkar

Usaha Pupuk Semangat Setiakawan Di kalangan Rakan Sekolah [10]

- Menasihati rakan / agar sentiasa bekerjasama
- Menunjukkan contoh teladan yg baik / dgn sentiasa tolong menolong
- Mengamalkan ziarah menziarahi / untuk mengukuhkan perpaduan
- Sentiasa prihatin / dgn masalah rakan

Ciri-ciri Perpaduan Menurut Islam [06]

- Berteraskan keimanan & ketaqwaan kpd Allah
- Bekerjasama dalam melakukan sesuatu perkara
- Bertujuan untuk kebaikan bersama

Pengaran Hadis [06 / 09 / 11]

- Umat Islam diwajibkan menghindari sifat dengki / supaya hidup diberkati Allah
- Umat Islam dilarang menipu / agar tidak dilaknat oleh Allah
- Kita digalakkan saling kenal mengenal sesama manusia / agar kukuh silaturrahim
- Kita mesti meyakini bahawa umat Islam adalah bersaudara / agar hidup aman harmoni

# BAB 3 : KEHIDUPAN DI DUNIA IBARAT SEORANG PERANTAU

| | |
|---|---|
| عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما قال أخذ رسول الله (ص) بمنكبي فقال كن في الدنيا كأنك غريب أو عابر سبيل | Daripada Abdullah bin Umar katanya, Rasulullah SAW memegang bahuku seraya bersabda : Jadilah atas dunia ini sebagai seorang perantau [05 / 10 / 11] |
| وكان ابن عمر يقول إذا أمسيت فلا نتظر الصباح وإذا أصبحت فلا تنتظر المساء | Ibnu Umar berkata : Apabila kamu berada pd waktu petang, janganlah tunggu menjelangnya pagi. Apabila kamu berada pd waktu pagi, janganlah tunggu menjelangnya petang |
| وخذ من صحتك لمرضك ومن حياتك لموتك (رواه البخاري) | Dan gunalah peluang untuk beramal semasa kamu sihat utk persediaan ketika sakitmu & semasa kamu hidup utk persediaan matimu [13] |

Nasihat Daripada Hadis [05 / 07]

- Kehidupan di dunia seumpama seorang pengembara yg sedang mengumpul bekalan
- Jangan menangguh-nangguhkan sesuatu pekerjaan
- Beramallah semasa sihat & masih hidup di dunia ini

Kesan Mengabaikan pesanan Rasulullah [07]

- Masa kehidupan di dunia berlalu dgn sia-sia
- Tidak berjaya mengumpul bekalan utk hari akhirat
- Kehidupan di dunia dihabiskan dgn keseronokan & hiburan saja

**Perantau** : Orang yg singgah di suatu tempat untuk mengambil bekalan / bagi meneruskan perjalanan yg masih jauh [06]

Kehidupan Di dunia Hanya Sementara

✓ Tempoh kehidupan di dunia terlalu singkat berbanding akhirat yg kekal abadi. [07]
✓ Dunia adalah tempat manusia mencari bekalan (amal ibadat) utk akhirat.
✓ Antara bekalnya ialah ilmu, amal ibadat, sedekah jariah dll. Bekalan terbaik adalah **taqwa** iaitu melaksanakan segala perintah Allah & menjauhi semua larangan-Nya dgn taat & ikhlas
✓ Manusia tidak boleh leka dgn keseronokan di dunia hingga lupa kehidupan akhirat yg lebih utama.
✓ Amalan yg perlu untuk akhirat : semua amalan fardu spt solat fardu & semua amalan sunat spt puasa sunat [06]

Teknik Pengurusan Masa Efektif [06 / 11 / 13]

| |
|---|
| **Merancang penggunaan masa**<br>Menyediakan jadual waktu yg tersusun / Memperuntukkan masa utk bersolat, baca buku, selesaikan kerja rumah, tolong ibu bapa & bersukan / Jauhi diri drpd aktiviti tidak berfaedah spt melepak |
| **Mengurus masa dgn bijak [08]**<br>Gunakan waktu dgn perkara berfaedah & sebaik mungkin / Contoh : baca buku ketika menunggu bas<br>Melakukan amal kebajikan spt membersihkan kawasan rumah |

| **Menentukan wawasan hidup** |
|---|
| Ianya satu perkara penting agar matlamat hidup menjadi jelas / Tanpa wawasan, seseorang jadi tidak berdisiplin & mudah buang masa / Guna diari utk ukur pencapaikan wawasan yg ditetapkan |

<u>Kebaikan Mengurus Masa Dgn Bijak [08 / 11]</u>

- Dapat melakukan kerja / dgn baik & sempurna
- Kehidupan jadi bermakna / kerana berjiwa tenang
- Tidak membebankan diri / kerana tugas dapat disiapkan pada masanya

<u>Cara Dapatkan Ibadah Yang Berkualiti [10]</u>

√ Menjaga waktu solat
√ Tidak meninggalkan ibadat
√ Memperbanyakkan ibadat sunat

| Kelebihan Menyegerakan Urusan [10] | Keburukan Menangguhkan Urusan [13] |
|---|---|
| ❖ Dikasihi & dimuliakan oleh Allah & rasul-Nya kerana menghargai masa<br>❖ Sesuatu urusan dapat disempurnakan dgn berkualiti & mengikut jadual<br>❖ Menyumbang ke arah kemajuan negara kerana produktiviti meningkat<br>❖ Hidup dalam keadaan tenang kerana tidak ditekan oleh pihak lain | ➢ Hidup resah gelisah kerana ditekan oleh majikan<br>➢ Hasil kerjanya tidak berkualiti yang akan menjejaskan imej syarikat<br>➢ Produktiviti syarikat akan menurun yang akan menjejaskan ekonomi negara<br>➢ Pembangunan negara berjalan perlahan menyebabkan negara ketinggalan |

<u>Pengajaran Hadis</u>

✓ Kita hendaklah meyakini bahawa hidup di dunia hanya sementara / untuk mencari bekalan akhirat
✓ Kita hendaklah beramal ketika sihat / agar dapat ibadat yg baik
✓ Kita ditegah menangguhkan tugas / supaya hati sentasa tenang

# BAB 4 : ORANG BERIMAN KEKASIH ALLAH

| | |
|---|---|
| عن أبي هريرية رضي الله عنه قال رسول الله (ص) : إن الله تعالى قال : | Drpd Abu Hurairah katanya, Rasulullah SAW bersabda : Sesungguhnya Allah berfirman : |
| من عادى لى وليا فقد أذنته بالحرب, وما تقرب إلى عبدى بشىء أحب إلى مما افترضت عليه | <u>Sesiapa yg memusuhi wali-Ku, Aku mengisytiharkan perang kpdnya</u>. Tiada amalan yg mendekatkan dirinya kpd-Ku yg lebih Aku sukai drpd amalan yg Aku fardukan (wajibkan) [07] |
| وما يزال عبدى يتقرب إلى بالنوافل حتى أحبه, | Hamba-Ku yg mendekatkan diri kpd-Ku dgn sentiasa melakukan amalan sunat, Aku akan mengasihinya |
| فإذا أحببته كنت سمعه الذى يسمع به وبصره الذى يبصر به, ويده التى يبطش بها ورجله التى يمشى بها, | Apabila Aku mengasihinya, pendengarannya, penglihatannya, tangannya yg diguna utk memegang, kakinya yg diguna utk berjalan, semuanya berdasarkan keredaan & kawalan-Ku |
| ولئن سألنى لأعطينه ولئن استعاذنى لأعيذنه. (رواه البخارى) | Jika dia meminta kpd-Ku nescaya Aku perkenankannya & jika dia memohon perlindungan-Ku nescaya Aku melindunginya |

<u>Wali Allah</u>

- ✓ Bahasa : bantuan @ perlindungan drpd Allah.
- ✓ Istilah : manusia biasa yg beriman & beristiqamah dlm melaksanakan segala perintah Allah & menjauhi larangan-Nya secara zahir & batin.[07 / 08 / 13]
- ✓ Wali tidak maksum & tiada mukjizat.[13]
- ✓ Sesetengah wali dikurniakan kebolehan melakukan perkara luar biasa [karamah], namun ianya bukan syarat bagi seorang wali.
- ✓ Contoh wali Allah ialah sahabat Nabi spt Abu Bakar, Umar al-Khattab & Ali bin Abi Tolib serta Salafussoleh spt Uwais al-Qarni, Hasan Basri & Rabiatul Adawiyah.

<u>Ciri Orang Yang Diperkenankan Doa Oleh Allah [10]</u>

- Berbuat baik dgn orang yg berilmu
- Menyempurnakan ibadat wajib spt solat fardu
- Memperbanyakkan ibadat sunat spt puasa sunat

<u>Ancaman Kepada Mereka Yang Ingkar Risalah Rasulullah SAW</u>

- ➢ Allah mengancam akan memerangi mereka yg memusuhi wali-Nya. Ancaman yg keras ini membuktikan bahawa ingkar ajaran Nabi adalah penyelewengan terhadap akidah.[10]
- ➢ Setiap org beriman wajib taat perintah Allah & rasul serta menghindari perbuatan ingkar tersebut.
- ➢ Orang yg mendekatkan diri kpd Allah dgn melakukan amalan fardu[wajib] & sunat sgt dikasihi oleh Allah.
- ➢ Ungkapan “ mengasihi ” bermaksud Allah meredai & merahmati semua urusan hidup mereka dgn memandu segala anggota & pancaindera ke arah kebaikan.

Ciri-ciri Orang Soleh

| | |
|---|---|
| Berilmu | - Dgn ilmu, manusia dapat mengenali Allah dgn mendalam & tahu tanggungjawabnya kpd Allah serta sesama makhluk<br>- Oleh itu, orang berilmu dapat memperbaiki hubungannya dgn Allah & makhluk |
| Beramal | - Org berilmu dapat melakukan amal ibadat & kebajikan seperti yg dituntut oleh Islam.<br>- Amalan berdasarkan ilmu yg dibuat dgn ikhlas & istiqomah akan mencapai darjat yg tinggi di sisi Allah & mendapat pahala yg besar |
| Berakhlak | - Gabungan antara ilmu & amal akan melahirkan insan yg tinggi nilai rohaninya serta berperibadi [berakhlak] mulia<br>- Sifat mahmudah itu akan mengarahnya melakukan kebaikan kpd Allah, diri sendiri, ibu bapa, keluarga, rakan2 dll |

Amalan Sunat[Nawafil] Yang Mendekatkan Diri Kepada Allah [05 / 06 / 07 / 08 / 09 / 12)

| Hubungan Dgn Allah | Hubungan Sesama Manusia |
|---|---|
| • Membaca al-Quran<br>• Solat sunat spt solat hajat, taubat, duha<br>• Puasa sunat spt puasa Isnin & khamis<br>• Berzikir & berdoa<br>• Berkorban & berakikah | ○ Memberi senyuman<br>○ Nasihat menasihati<br>○ Ziarah menziarahi<br>○ Berbudi bahasa<br>○ Tolong menolong |

Contoh amalan wajib : Solat fardu / Berzakat / Amar makruf / Tunaikan haji [09]

Kelebihan Orang Yang Melakukan Ibadat Sunat [05 / 06 / 09 / 12]

- Kehidupan akan diberkati oleh Allah
- Dikasihi & disayangi oleh Allah & rasul
- Allah akan menjaga segala anggotanya drpd melakukan maksiat
- Doanya dimakbulkan oleh Allah
- Allah akan mengganjarinya dgn pahala & syurga
- Segala kekurangan amalan fardu akan ditampung oleh amalan sunatnya

Pengajaran Hadis [08 / 10 / 13]

- ✓ Kita hendaklah melaksanakan semua perkara fardu / dgn penuh ketaatan
- ✓ Kita hendaklah memperbanykkan amalan sunat / seperti solat sunat taubat
- ✓ Kita hendaklah berusaha mencontohi wali Allah / supaya hidup diberkati Allah
- ✓ Kita hendaklah selalu berdoa kpd Allah / agar jiwa menjadi tenang

<u>Ayat Hafazan</u>

1. Surah al-An’am : 162 – 163 [05 / 07 / 09 / 11 / 13]

قُلْ إِنَّ صَلَاتِى وَنُسُكِى وَمَحْيَاىَ وَمَمَاتِى لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ
لَهُۥ ۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

2. Surah al-Mukminun : 1 – 11 [05(9-11) / 06(1-4) / 08(5-7) / 09(1-8) / 10(8-11) / 12]

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ
عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ
لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ
غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ
يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْوَٰرِثُونَ ﴿١٠﴾ ٱلَّذِينَ يَرِثُونَ ٱلْفِرْدَوْسَ هُمْ
فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١١﴾

3. Surah Luqman : 12 – 19 [04 (12) / 06 (16) / 07 (17) / 11(18-19) / 13(14)]

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا لُقۡمَٰنَ ٱلۡحِكۡمَةَ أَنِ ٱشۡكُرۡ لِلَّهِۚ وَمَن يَشۡكُرۡ فَإِنَّمَا يَشۡكُرُ
لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٞ ﴿١٢﴾ وَإِذۡ قَالَ لُقۡمَٰنُ لِٱبۡنِهِۦ وَهُوَ
يَعِظُهُۥ يَٰبُنَيَّ لَا تُشۡرِكۡ بِٱللَّهِۖ إِنَّ ٱلشِّرۡكَ لَظُلۡمٌ عَظِيمٞ ﴿١٣﴾ وَوَصَّيۡنَا
ٱلۡإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيۡهِ حَمَلَتۡهُ أُمُّهُۥ وَهۡنًا عَلَىٰ وَهۡنٖ وَفِصَٰلُهُۥ فِي عَامَيۡنِ أَنِ ٱشۡكُرۡ
لِي وَلِوَٰلِدَيۡكَ إِلَيَّ ٱلۡمَصِيرُ ﴿١٤﴾ وَإِن جَٰهَدَاكَ عَلَىٰٓ أَن تُشۡرِكَ بِي مَا
لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٞ فَلَا تُطِعۡهُمَاۖ وَصَاحِبۡهُمَا فِي ٱلدُّنۡيَا مَعۡرُوفٗاۖ وَٱتَّبِعۡ
سَبِيلَ مَنۡ أَنَابَ إِلَيَّۚ ثُمَّ إِلَيَّ مَرۡجِعُكُمۡ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ﴿١٥﴾
يَٰبُنَيَّ إِنَّهَآ إِن تَكُ مِثۡقَالَ حَبَّةٖ مِّنۡ خَرۡدَلٖ فَتَكُن فِي صَخۡرَةٍ أَوۡ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ
أَوۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ يَأۡتِ بِهَا ٱللَّهُۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٞ ﴿١٦﴾ يَٰبُنَيَّ أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ وَأۡمُرۡ
بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَٱنۡهَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَآ أَصَابَكَۖ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنۡ عَزۡمِ
ٱلۡأُمُورِ ﴿١٧﴾ وَلَا تُصَعِّرۡ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمۡشِ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَرَحًاۖ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخۡتَالٖ فَخُورٖ ﴿١٨﴾ وَٱقۡصِدۡ فِي مَشۡيِكَ وَٱغۡضُضۡ مِن صَوۡتِكَۚ
إِنَّ أَنكَرَ ٱلۡأَصۡوَٰتِ لَصَوۡتُ ٱلۡحَمِيرِ ﴿١٩﴾

4. Surah at-Taubah : 128 – 129 [ 05 / 07 / 11 / 13]

لَقَدۡ جَآءَكُمۡ رَسُولٞ مِّنۡ أَنفُسِكُمۡ عَزِيزٌ عَلَيۡهِ مَا عَنِتُّمۡ حَرِيصٌ
عَلَيۡكُم بِٱلۡمُؤۡمِنِينَ رَءُوفٞ رَّحِيمٞ ١٢٨ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَقُلۡ حَسۡبِيَ ٱللَّهُ
لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ عَلَيۡهِ تَوَكَّلۡتُۖ وَهُوَ رَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡعَظِيمِ ١٢٩

5. Surah an-Nur : 35 [04 / 08 / 10 / 12 / 13]

ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ مَثَلُ نُورِهِۦ كَمِشۡكَوٰةٖ فِيهَا مِصۡبَاحٌۖ
ٱلۡمِصۡبَاحُ فِي زُجَاجَةٍۖ ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوۡكَبٞ دُرِّيّٞ يُوقَدُ مِن شَجَرَةٖ
مُّبَٰرَكَةٖ زَيۡتُونَةٖ لَّا شَرۡقِيَّةٖ وَلَا غَرۡبِيَّةٖ يَكَادُ زَيۡتُهَا يُضِيٓءُ وَلَوۡ لَمۡ تَمۡسَسۡهُ نَارٞۚ
نُّورٌ عَلَىٰ نُورٖۗ يَهۡدِي ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُۚ وَيَضۡرِبُ ٱللَّهُ ٱلۡأَمۡثَٰلَ لِلنَّاسِۗ
وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ٣٥

6. Surah al-Hasyr : 21 – 24 [04 (23) / 06 (21-22) / 08 (21) / 09 (24) / 10 (21-22) / 12 (23)]

لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُۥ خَٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۚ
وَتِلْكَ ٱلْأَمْثَٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ
إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ۖ هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ ٱللَّهُ
ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْمَلِكُ ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلْمُؤْمِنُ ٱلْمُهَيْمِنُ
ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ ٱلْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ ٱللَّهُ
ٱلْخَٰلِقُ ٱلْبَارِئُ ٱلْمُصَوِّرُ ۖ لَهُ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾